




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	17/09/2012



Tun Fuad Stephens bersama Tun Mustapha dan Tun Abdul Razak pada perisytiharan Hari Malaysia.



Tun Abdul Razak tiba di Kota Kinabalu untuk hadir pada penubuhan Malaysia.

Rakyat Sabah berjiwa Malaysia

BH - 17/9/2012
Dokumen, perjanjian bukti pembentukan Persekutuan



ABDUL RAHMAN DAHLAN

Di sebalik beberapa lukisan yang menghiasi dinding kediaman saya, ada satu yang kerap mencuri perhatian. Lukisan hitam putih itu menampilkan imej detik bersejarah 16 September 1963. Bintangnya adalah tiga bapa kemerdekaan – Tun Fuad Stephens, Tun Datu Mustapha Datu Harun dan Tun Abdul Razak Hussein – berdiri seiring di podium di Kota Kinabalu bagi menyambut kelahiran negara dinamakan Malaysia.

Pada tarikh keramat itu, ribuan rakyat Sabah asyik mendengar Tun Fuad Stephens (ketika itu dikenali sebagai Donald Stephens) membacakan skrol Pengisytiharan Malaysia.

Bagaimanapun, ada sedikit suntikan elemen luar realiti atau 'surreal' di lukisan itu. Imej seorang remaja lelaki berpakaian 'hip hop' berwarna-warni dan melakukan aksi tarian 'breakdance' diselit bersebelahan ketiga-tiga tokoh itu.

Jika diteliti, anda boleh melihat pandangan penah keagungan di wajah tiga Tun itu terhadap remaja lelaki berkenaan – bimbangkan ge-

nerasi masa depan Malaysia mungkin tidak memahami pengertian sebenar kemerdekaan negara.

Hari ini, tejemahan remaja lelaki itu mungkin boleh dikaitkan dengan sesiapa saja dalam kalangan kita kini. Sebagai contoh, ada golongan tertentu di Sabah mendakwa Sabah sepatutnya menjadi satu daripada empat bahagian (bukan satu daripada 14 negeri) dalam Persekutuan Malaysia. Mereka mendakwa Sabah ditipu sejak 49 tahun lalu dan tuduhan ini adalah sangat serius.

Benarkah begitu? Kita mulakan dengan mengkaji dokumen sejarah berkaitan pembentukan Malaysia yang merangkumi Dokumen 20 Perikar; Laporan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia; Laporan Suruhanjaya Cobbold; Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan; Laporan Hansard (berhubung perbahasan Malaysia di Parlimen Tanah Melayu dan British); Perjanjian Malaysia 1963; dan Dokumen Pengisytiharan Malaysia.

Semua dokumen ini dan autobiografi Tunku Abdul Rahman serta Lee Kuan Yew memberi kita gambaran lebih jelas terhadap keadaan

yang membawa kepada pembentukan Malaysia pada 1963. Semuanya menceritakan suasana di Asia Tenggara sekitar 1950-an dan 1960-an, terutama dari segi keselamatan dan ketidakpastian masa depan dihadapi pemimpin waktu itu.

Saya sertakan petikan dokumen dan perjanjian berkenaan. Nilainya sendiri setakat mana kebenaran hujah kononnya Sabah patut menjadi satu daripada ahli empat entiti Persekutuan Malaysia.

Kedudukan Sabah

Artikel I perjanjian mengesahkan kedudukan Sabah dalam Malaysia. Ia menyebut (terjemahan): "Koloni Borneo Utara dan Sarawak dan Singapura akan bersatu dengan Negeri-Negeri Persekutuan Tanah Melayu yang mana Sabah, Sarawak dan Singapura berpadukan kaedah Perlembagaan yang disertakan bersama Perjanjian ini dan Persekutuan itu, akan dikenali sebagai 'Malaysia' selepas ini.

Pengisytiharan Malaysia

Perenggan terakhir Pengisytiharan Malaysia (yang dibaca Donald Stephens pada pagi 16 September 1963) menyebut (terjemahan): "... bahawa Malaysia merangkumi Negeri Pahang, Terengganu, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Selangor, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Melaka, Singapura, Sabah dan Sarawak akan selama-lamanya menjadi negara bebas dan berdaulat selepas dibentuk atas dasar kebebasan dan keadilan, dengan izin Tuhan Pencipta Seluruh Alam."

Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan

Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan yang ditubuhkan bagi merangka aturan Perlembagaan Persekutuan, jelas menyatakan kedudukan Sabah sebagai sebahagian daripada Persekutuan menerusi Perincian 10 Bab II (Pembentukan Per-

sekutuan Malaysia) (terjemahan): "Persekutuan ini merangkumi Negeri sedia ada dalam Persekutuan Tanah Melayu, Sabah (ketika ini dikenali sebagai Borneo Utara), Sarawak dan Singapura. Persekutuan ini akan dikenali sebagai Malaysia."

Perjanjian Malaysia 1963

"Persekutuan ini akan dikenali dengan nama Malaysia, dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Negeri-Negeri Persekutuan ialah - (a) negeri-negeri dalam Tanah Melayu, iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu; dan (b) Negeri-Negeri Borneo iaitu Sabah dan Sarawak dan (c) Singapura.

Sebagai Ahli Parlimen dari Sabah, saya bersetuju jika Sabah menjadi satu daripada empat bahagian Malaysia, tetapi dokumen di atas menyatakan sebaliknya. Kita tidak boleh menafikan sejarah yang dibincang, dirangka dan ditandatangani bersama oleh pemimpin Sabah waktu itu.

Dari segi keahlian, kedudukan Sabah sama seperti negeri lain di Semenanjung. Bagaimanapun, Sabah memiliki kedudukan khusus atau autonomi sendiri seperti dinyatakan dalam Perlembagaan dan tidak dimiliki negeri lain kecuali Sarawak. Imigresen berada di bawah kuasa kerajaan negeri dan Sabah dibenar-

meneruskan sistem Kabinet yang antara lain berkuasa terhadap beberapa bidang perkuasaan dan tanah. Malah, beberapa undang-undang yang diluluskan Parlimen Malaysia tidak boleh dilaksanakan di Sabah tanpa persetujuan kerajaan negeri.

Saya gusar apabila ada pihak Sabah memberi gambaran seolah-olah pemimpin Sabah dipaksa menerima cadangan pembentukan Malaysia walaupun mempunyai pandangan berbeza. Mereka mendakwa wujud bukti cadangan mewujudkan Malaysia berdepan masalah sejak awal.

Saya akui memang wujud pertelingkahan di kalangan pemimpin Sabah ketika Tunku Abdul Rahman mula melontar idea penubuhan Malaysia. Sebagai contoh, Tun Fuad awalnya agak ragu-ragu dengan idea itu.

Ini boleh difahami memandangkan pemimpin Sabah bakal 'menyerahkan' negeri itu menyertai penyatuan agak rumit dan besar kesannya ke atas rakyat Sabah. Bagaimanapun, perbezaan pandangan pemimpin Sabah secara perlahan-lahan berubah selepas perbincangan, mesyuarat tertutup, lawatan dan rundingan diadakan antara pemimpin utama Malaysia, Sarawak dan Sabah.

Sebagai contoh, Tun Fuad hampir pasti menerima pembentukan Malaysia. Penerimaan mereka dapat dilihat menerusi beberapa siri perjanjian yang dilaksanakan bagi membentuk Malaysia. Dalam aspek sejarah, itu adalah pengikat paling utama.

“Perbezaan pandangan pemimpin Sabah secara perlahan-lahan berubah selepas perbincangan, mesyuarat tertutup, lawatan dan rundingan diadakan antara pemimpin utama Malaysia, Sarawak dan Sabah”